

20 DEC 1997

Mahathir-Umno

KETUA BAHAGIAN DAN CAWANGAN AKAN DIPECAT JIKA INKAR KEPUTUSAN MT

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran keras kepada ketua-ketua bahagian dan cawangan Umno bahawa mereka akan dipecat jika menolak mana-mana anggota daripada menyertai cawangan mereka setelah permohonan anggota itu diterima dan disahkan oleh Majlis Tertinggi (MT).

Presiden Umno itu berkata ketua-ketua bahagian dan cawangan yang enggan menerima yuran seseorang anggota bagi melayakkan anggota itu mengambil bahagian dalam semua kegiatan parti juga boleh menyebabkan mereka dipecat.

"Ini memandangkan bahawa keengganan mereka menerima anggota sama juga dengan usaha untuk mengalahkan parti.

"Kalau mereka berpendapat bahawa pendirian mereka lebih utama daripada kehendak parti dan tidak mahu mematuhi kehendak parti, maka mereka mungkin akan dipecat kalau didapati mereka bertindak demikian," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno selama lebih tiga jam di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Amaran keras Dr Mahathir itu dibuat ketika beliau merujuk kepada keputusan MT mengenai pentadbiran Umno, terutama penerimaan anggota-anggota baru termasuk permohonan bekas anggota Parti Melayu Semangat 46.

Perdana Menteri berkata MT terpaksa membuat keputusan mengenai penyertaan seseorang anggota dalam sesebuah cawangan setelah cawangan atau bahagian itu gagal menyelesaikan masalah yang berbangkit.

"Apabila ibu pejabat telah dirujuk akhirnya kerana masalah timbul di peringkat cawangan ataupun bahagian dan pihak ibu pejabat menerima sebagai sah keanggotaan itu, maka anggota itu mesti diterima oleh bahagian dan cawangan.

"Jika ada mana-mana ketua bahagian ataupun cawangan yang tidak sanggup menerima, maka tindakan disiplin termasuk pemecatan mereka akan dibuat oleh ibu pejabat," katanya.

Dr Mahathir berkata tiada gunanya parti itu mempunyai anggota, terutama ketua bahagian dan cawangan, yang boleh menyebabkan Umno menjadi lemah atau berpecah kerana sikap mereka yang enggan menerima keputusan MT.

"Jadi oleh kerana mereka berusaha untuk mengalahkan parti kerana tidak mahu menerima (keputusan MT mengenai keanggotaan seseorang) dan kalau mereka (ketua-ketua bahagian dan cawangan) tidak ada dalam parti pun mungkin kita kalah, jadi kita takkan rugi apa-apa kalau mereka tidak ada dalam parti," katanya.

Dr Mahathir berkata ibu pejabat Umno akan melakukan penyiasatan rapi jika terdapat tuduhan bahawa ada bahagian ataupun cawangan yang tidak mahu menerima anggota-anggota yang sudahpun diterima oleh MT.

Beliau berkata MT turut membuat keputusan bahawa mana-mana anggota yang sudahpun didakwa di mahkamah tidak boleh bertanding apa-apa jawatan parti.

"Kalau masih dalam peringkat diselidiki, masih boleh bertanding tetapi yang sudah didakwa di mahkamah mereka tidak boleh bertanding," katanya tanpa menghuraikan lebih lanjut keputusan itu.

Terdahulu, anggota-anggota MT menghadiahkan sebiji kek kepada Dr Mahathir yang menyambut hari ulangtahun kelahirannya yang ke-72 hari ini.

Selepas anggota-anggota MT menyanyikan lagu "Happy Birthday To You", Dr Mahathir memotong kek itu dengan sebilah keris dan diikuti bacaan doa selamat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman. -- BERNAMA

AH RON

